



SEMPIT...Lau (kiri) dan jurutera Bahagian Saliran MPSJ, Megat Ahmad Moomin Megat Adnan (dua dari kiri) melihat struktur parit.

Longkang kecil undang banjir kilat

ml/123/1

PUCHONG: Sebanyak 120 keluarga di Taman Paik Siong dan Taman Puchong di sini, meminta Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) daerah Petaling memperbaiki sistem perparitan di kawasan itu.

Langkah itu penting berikutan beberapa kejadian banjir kilat kebelakangan ini menimbulkan kebimbangan penduduk terutama mereka yang menetap di kawasan landai dan berhampiran longkang.

Difahamkan, masalah banjir kilat itu pernah diajukan penduduk kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) sejak 30 tahun lalu, tetapi jalan penyelesaiannya bersifat jangka pendek termasuk pembinaan longkang sedalam 0.6 meter.

Malah penduduk terpaksa membiayai kos pembinaan tembok batu setinggi 1.2 me-

ter empat tahun lalu kerana tidak mahu kejadian sama berulang, tetapi ia hanya bersifat sementara apabila banjir kilat tetap berlaku.

Tinjauan Harian Metro ketika lawatan Ahli Parlimen Puchong, Lau Yeng Peng, mendapati, pembinaan longkang yang terlalu kecil menyukarkan pengaliran air dari longkang ke Sungai Klang.

Lebih memburukkan keadaan apabila kawasan beke-naan menjadi semakin padat dengan penduduk yang menetap di beberapa taman berhampiran, selain dikelilingi sektor perindustrian sehingga mengakibatkan air longkang melimpah terutama ketika hujan lebat.

Penduduk, S Muhendaren, 41, berkata dia terpaksa menyewa rumah lain berikutan sering kali berhadapan masalah banjir kilat.